

**MCA Kedah Mahu MB Jelaskan Isu NGO Perlu Pulangkan 30 Peratus Bantuan Bernama
12 Februari , 2012**

ALOR SETAR, 12 Feb (Bernama) -- MCA Kedah mahu Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak memberikan penjelasan mengenai isu badan bukan kerajaan (NGO) perlu memulangkan semula antara 25 hingga 30 peratus daripada jumlah bantuan yang diterima daripada kerajaan negeri.

Pengerusi MCA Kedah Datuk Chong Itt Chew mendakwa lapan NGO di negeri ini telah memaklumkan kepada pihaknya mengenai pemulangan balik atau rebet antara 25 hingga 30 peratus daripada jumlah bantuan yang disalurkan.

Katanya perkara itu didedahkan oleh NGO yang menyertai dialog dengan Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek di Sungai Petani dua hari lepas dan isu rebet itu dilaporkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Cina hari ini.

Beliau berkata laporan itu juga memetik kenyataan anggota Exco kerajaan negeri Tan Chow Kang mengaku setiap NGO yang bersetuju menerima sumbangan daripada peruntukan kerajaan, Exco atau wakil rakyat hendaklah memulang balik 30 peratus kepada pihak-pihak tertentu.

"Jika benar kenyataan Chow Kang ini, saya minta Menteri Besar jelaskan. Jika dia enggan, saya akan minta Chow Kang pula (beri penjelasan), jika Chow Kang juga diam, tahulah kami apa nak buat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Chong yang merupakan anggota Exco kerajaan negeri semasa Kedah di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ditadbir pakatan pembangkang selepas pilihan raya umum 2008, turut hairan dengan dakwaan Tan bahawa BN mengamalkan perkara yang sama ketika menerajui kerajaan negeri.

"Mana dia dapat maklumat ini....dalam Barisan Nasional perkara ini tidak berlaku. Kami ada prosedur. Contohnya cek bayaran penuh dikeluarkan atas nama penerima. Tidak ada rebet. Pakatan Rakyat potong siap-siap," katanya.

Chong berkata dalam dialog di Sungai Petani, sebuah NGO mengaku bantuan sebenar sebanyak RM50,000 dipotong sebanyak RM15,000 dan hanya menerima RM35,000 sahaja.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645111>